

BAHAGIAN A
(50 markah)
Jawab semua soalan

- 1 Gambar di bawah berkaitan penyalahgunaan dadah yang merupakan salah satu contoh budaya hedonisme.



Sumber: Internet

- (a) Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak kerajaan untuk membasmi najis dadah. Namun, hal ini menjadi semakin sukar untuk dibendung.

Nyatakan dua punca remaja mudah terjebak dengan penyalahgunaan dadah.

- i.
- ii.

[2 markah]

- (b) Dadah ialah musuh negara. Jelaskan kesan penyalahgunaan dadah terhadap penagih dadah.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Anda mendapati rakan kelas anda terlibat dengan pengambilan dadah. Nyatakan dua tindakan anda.

- i.
- ii.

[2 markah]

(d) Budaya hedonisme berupaya merosakkan keunikan rakyat Malaysia. Huraikan.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- 2 Maklumat berikut berkaitan pendirian kerajaan Malaysia dalam menjalin hubungan dengan negara-negara Komanwel.

“Malaysia komited untuk berganding bahu dengan negara-negara Komanwel lain dengan memperkukuh dalam beberapa bidang keutamaan.” - *Wisma Putra*

Sumber: www.penerangan.gov.my

- (a) Berikan dua pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia selain Komanwel.

i.

ii.

[2 markah]

- (b) Huraikan dua kepentingan mengekalkan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara Komanwel.

i.

ii.

.....
[4 markah]

- (c) Jelaskan halangan yang dihadapi dalam mengekalkan hubungan antarabangsa.

.....
[4 markah]

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi pemeriksaan disiplin di sekolah.

Unit disiplin sekolah dengan bantuan pengawas telah menjalankan pemeriksaan mengejut di setiap kelas. Jason salah seorang pengawas yang bertugas mendapati kawan baiknya Kevin telah membawa telefon bimbit ke sekolah. Kevin merayu agar Jason tidak merampas telefon bimbitnya kerana dia memerlukan telefon bimbit tersebut untuk menghubungi ibu bapa yang kini berada di luar negara.

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, huraikan tindakan yang boleh diambil oleh Jason berdasarkan prinsip berikut:

i. prinsip keadilan

ii. prinsip keprihatinan

[4 markah]

- (b) Jelaskan kesan sekiranya Jason tidak amanah dalam menjalankan tugasnya sebagai pengawas.

[4 markah]

- (c) Senaraikan dua jenis barang yang dilarang dibawa ke sekolah selain telefon bimbit.

i. Vape

ii. Barangan Kosmetik

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

4 Grafik di bawah menunjukkan identiti nasional negara berdaulat.



Sumber: <https://ms.wikipedia.org>

(a) Selain identiti nasional di atas, berikan dua identiti nasional lain yang menggambarkan negara kita ialah sebuah negara berdaulat.

- i. Jalur gemilang.....
- ii. Lagu kebangsaan.....

[2 markah]

(b) Pada era globalisasi kini, pelbagai cabaran yang boleh menggugat kedaulatan negara. Jelaskan dua cabaran dalaman yang boleh mengancam kedaulatan negara.

[4 markah]

(c) Ramalkan kesan sekiranya rakyat mengabaikan tanggungjawab mempertahankan negara.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

- 5 Keratan akhbar di bawah menunjukkan tindakan tidak berintegriti yang dilakukan oleh beberapa individu.

8 kena tahan kes curi wang pelanggan bank

Jangka lebih banyak tangkapan, polis usaha peroleh kembali RM24.2j hilang dalam beberapa akaun

Jenayah Komersil, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata suspek di Perlis akan diterbangkan ke Kota Kinabalu untuk permohonan reman dan siasatan lanjut.

"Kita percaya akan ada lebih banyak lagi tangkapan dalam masa terdekat selepas



Ramli Mohamed Yoosuf

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan atas kesalahan melakukan penipuan," katanya.

Sabtu lalu, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dalam satu kenyataan memaklumkan penahanan seorang wanita pegawai sebuah bank

Sumber: Berita Harian, 19 Jun 2024

- (a) Tindakan individu di atas tidak menunjukkan sikap berintegriti semasa bekerja. Jelaskan maksud integriti individu.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Bincangkan kesan tindakan individu di atas terhadap:
 - diri

.....

.....

- pihak bank

.....

.....

[4 markah]

- (c) Huraikan punca individu di atas terlibat dalam kes curi wang pelanggan.

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah] **SULIT**

Bahagian B
[10 markah]

Jawab mana-mana satu soalan daripada bahagian ini.

6 Poster di bawah berkaitan Kempen Menderma Darah.



Sumber: https://x.com/ukm_my

- (a) Kempen menderma darah merupakan salah satu aktiviti komuniti yang bertujuan untuk menyelamatkan nyawa.
 Berikan contoh program komuniti yang boleh anda sertai selain aktiviti di atas.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Encik Sathia adalah penderma aktif program menderma darah.
 Cadangkan strategi yang boleh dilakukan oleh Encik Sathia untuk menarik minat masyarakat supaya menyertai program menderma darah.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[Lihat halaman sebelah]
 SULIT

- 7 Keratan akhbar di bawah menunjukkan kes penceraian yang semakin meningkat di Malaysia.

Penceraian Pasangan Bawah 30 Tahun Kian Meningkat

KUALA LUMPUR : Kes pasangan berusia 30 tahun ke bawah bercerai di negara ini untuk semua bangsa menunjukkan angka yang membimbangkan, antaranya berpunca daripada konflik dalam hubungan hingga memecah-belahkan institusi perkahwinan.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, pasangan berusia 20 tahun ke bawah yang bercerai pada 2019 seramai 56 957 pasangan dan mencatatkan penurunan kepada 45 272 pasangan pada 2020.

(Sumber : Diubahsuai daripada *Berita Harian*, 14 Disember 2022)

- (a) Merujuk keratan akhbar di atas, berikan punca lain yang menyebabkan penceraian.

.....
.....
.....


[2 markah]

- (b) Huraikan kesan sekiranya anggota keluarga tidak memainkan peranan dalam mengekalkan hubungan kekeluargaan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Bahagian C
[40 markah]
Jawab semua soalan

8 Gambar di bawah adalah salah satu contoh isu salah guna internet.



Sumber: Internet

- (a) Selain jenayah penipuan dalam talian, nyatakan penyalahgunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menjejaskan kesejahteraan sejagat. [4 markah]
- (b) Sebagai insan bermoral, bagaimanakah anda dapat menghindarkan diri daripada penyalahgunaan internet? Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [8 markah]
- (c) Penggunaan internet kini sudah menjadi satu perkara biasa di Malaysia. Ramalkan kesan sekiranya masyarakat tidak menggunakan internet secara beretika. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

